

# Lelaki didapati bersalah miliki dadah dipenjara 10 tahun dan 10 sebatan

**KUCHING:** Mahkamah Sesyen di sini semalam, menjatuhkan hukuman penjara 10 tahun dan 10 sebatan terhadap seorang lelaki yang didapati bersalah memiliki 35.53 gram Methamphetamine pada 2023.

Hakim Noorhisham Mohd Jaafar menjatuhkan hukuman itu terhadap Bong Sing Juing, 37, selepas perbicaraan penuh dijalankan dan mahkamah berpuas hati bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes terhadap tertuduh melampaui keraguan munasabah.

Mengikut pertuduhan, Bong didakwa melakukan kesalahan itu di kawasan tempat letak kereta di belakang sebuah hotel di Jalan Tun Jugah di sini, kira-kira jam 12.10 tengah malam pada 25 Mac 2023.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 39A(2) Akta sama yang membawa hukuman penjara minimum lima tahun dan boleh disebat tidak kurang daripada 10 sebatan, jika sabit kesalahan.

Sebelum menjatuhkan hukuman, Noorhisham berkata mahkamah telah mengambil kira rayuan pengurangan hukuman oleh pihak pembelaan serta hujahan pemberatan hukuman pihak pendakwaan.

Menurutnya, mahkamah turut mengambil kira kepentingan tertuduh dan kepentingan awam, trend hukuman semasa bagi kesalahan serupa, jenis dadah serta keseluruhan keadaan kes.

“Setelah menimbangkan semua faktor berkenaan,

mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 10 tahun bermula dari tarikh tangkap iaitu pada 25 Mac 2023 serta 10 sebatan terhadap tertuduh,” katanya.

Dalam perbicaraan itu, pendakwaan yang dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Adriana Maisarah Mohd Farid memanggil enam saksi untuk memberi keterangan.

Sementara itu, pihak pembelaan yang diwakili peguam Voon Lee Shan memanggil seorang saksi iaitu Bong sendiri.